



**KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI**

**JABATAN PENDAFTAR**

100-041/1/2015/UPG (91)  
02 Disember 2015  
20 Safar 1437H

Semua Kakitangan,  
Kolej Universiti INSANIAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Datuk/Dato'/Prof/Dr./Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PENDAFTAR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH BIL. 1 TAHUN 2015  
HAD KEMUDAHAN PERUBATAN KAKITANGAN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan Kolej Universiti INSANIAH berkenaan had kemudahan perubatan kakitangan telah dihadkan kepada RM1,200.00 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.

**LATARBELAKANG**

2. Merujuk kepada Pekeliling Pendaftar Bil. 1/2014 (Panduan Pengurusan Kemudahan Perubatan Bagi kakitangan Kolej Universiti INSANIAH) yang membenarkan penggunaan kemudahan perubatan sehingga RM2.400.00 bagi tempoh setahun.

3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kolej Universiti INSANIAH Kali Ke - 24 (02/2015) pada 3 Ogos 2015 memutuskan had kemudahan perubatan kakitangan bagi tempoh setahun dihadkan kepada RM1,200.00 berkuatkuasa 1 Januari 2016.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kolej Universiti INSANIAH Kali Ke- 39 Bil. 10/2015 pada 30 November 2015 meluluskan kaedah pelaksanaan had kemudahan perubatan seperti dibawah.

**PELAKSANAAN**

5. Pelaksanaannya berkuatkuasa 1 Januari 2016 dengan cara mengurangkan jumlah had kemudahan kepada RM1,200.00 bagi kakitangan yang mempunyai baki semasa had kemudahan melebihi RM1,200.00. Bagi kakitangan yang mempunyai baki semasa had kemudahan kurang dari RM1,200.00, jumlah baki semasa dikekalkan.

Bagi bil yang berlaku sebelum 1 Januari 2016 dibenarkan tuntutan berdasarkan baki semasa sebelum 1 Januari 2016.

6. Selanjutnya penggunaan had kemudahan perubatan diperluaskan bagi tujuan menyediakan kemudahan perubatan yang lebih menyeluruh kepada kakitangan dengan syarat-syarat berikut:

- i. Jumlah RM1,200.00 dibenarkan penggunaan untuk prosedur / rawatan / ubatan bagi semua jenis penyakit kecuali prosedur / rawatan / ubatan dalam kategori kosmetik, penjagaan tubuh, suplemen, kecantikan, rawatan kesuburan atau seperti seperti IUI, IVF atau lain-lain, pembedahan Plastik/Kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata, lensa, refraksi, pembedahan pembetulan rabun jauh (Keratotomi Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau bahan prostetik luaran seperti anggota badan tiruan, sendi tiruan, alat bantuan pendengaran, tongkat, kerusi roda, alat pengukur, alat penguji dan lain-lain yang dianggap sebagai bukan sebahagian proses rawatan penyakit.
- ii. Kemudahan Bersalin termasuk wad dibenarkan penggunaan sehingga maksimum baki peruntukan yang masih ada.
- iii. Tuntutan kemasukan wad di **kl~~in~~ik panel /hospital kerajaan SAHAJA** boleh dipertimbangkan setakat baki peruntukan yang masih ada bagi penyakit yang dibenarkan (rujuk perenggan ii) tetapi kebiasaannya tidak dilindungi oleh mana-mana skim insurans contohnya kemasukan wad bagi penyakit berkaitan kehamilan dan lain-lain.
- iv. Kandungan dan syarat lain di dalam Pekeliling Pendaftar Bil. 1/2014 (Panduan Pengurusan Kemudahan Perubatan Bagi kakitangan Kolej Universiti INSANIAH) yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat diatas adalah masih berkuatkuasa.

## **TARIKH KUATKUASA**


Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

والسلام

## **"PENEROKAAN KE ARAH KEBIJAKSANAAN"**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI SYED ISA BIN SYED IBRAHIM, AMK., BCK.)**

Pendaftar

s.k YBhg. Dato' Pemangku Rektor  
Bendahari